

Rifaat terima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016

KUALA LUMPUR - Tokoh perbankan Islam, Profesor Datuk Rifaat Ahmed Abdel Karim dipilih sebagai penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016 atas peranan penting beliau mewujudkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam termasuk penubuhan dua badan penetapan piawaian antarabangsa.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semasa Majlis Makan Malam Gala di sini malam tadi.

Rifaat Ahmed yang juga Profesor Pelawat di International Capital Market Association (ICMA) Centre, University of Reading di United Kingdom menerima pingat, sijil pengiktirafan serta wang tunai AS\$250,000 (RM1.086 juta).

Mengulas mengenai pemilihannya, Rifaat, 60, yang berasal dari

Sudan berkata, kewangan Islam adalah berkaitan dengan ekonomi sebenar yang menawarkan pelaburan beretika dan pilihan pembiayaan untuk perniagaan.

"Prinsip-prinsip kewangan Islam juga menggalakkan ketenterangan dan kerjasama untuk mewujudkan sistem kewangan adil dan saksama yang boleh diakses oleh semua," katanya.

Program anugerah itu dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tiga tokoh yang menerima anugerah sama sebelum ini ialah Datuk Dr. Abdul Halim Ismail yang merupakan anggota pengasas Bank Islam pertama di Malaysia (2014); Iqbal Khan, Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital (2012) dan Shaikh Saleh Abdullah Kamel,

pengasas Dallah Al Baraka Group,

salah sebuah konglomerat terbesar di Timur Tengah (2010).

Sementara itu, Pengerusi Panel Juri Anugerah Diraja Kewangan Islam, Tun Musa Hitam berkata, anugerah dwitahunan itu bertujuan mengiktiraf individu yang mempunyai wawasan terhadap kewangan Islam serta memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi global dan perkembangan sosial masyarakat di seluruh dunia.

"Rifaat Ahmed adalah seorang yang mempunyai wawasan dan sudah memainkan peranan penting dalam perkembangan institusi perbankan Islam di rantau ini termasuk menubuhkan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAO-IFI) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB)," katanya ketika ditemui pemberita semalam.



YANG di-Pertuan Agong (tiga dari kanan) menyampaikan Anugerah Diraja Kewangan Islam 2016 kepada Rifaat Ahmed Abdel Karim di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur malam tadi. Turut kelihatan ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah (belakang dua dari kiri).